

Notis Penting**Tarikh: 1 Julai 2025****Kemaskini Terma dan Syarat Kad Debit CIMB**

Para Pelanggan Yang Dihargai,

Berkuat kuasa 1 Ogos 2025, dimaklumkan bahawa Terma dan Syarat Kad Debit CIMB akan dipinda. Klausula yang disemak/dipinda dinyatakan dalam jadual di bawah.

Klausula Sedia Ada	Klausula Yang Disemak/Dipinda
1.1.3. "ATM" ertinya sebuah mesin teler automatik.	1.1.3. "ATM" ertinya <u>Mesin Juruwang Automatik</u> "(Automated Teller Machine)".
1.1.5. "Peniaga Diberi Kuasa" membawa maksud mana-mana peruncit atau penyedia perkhidmatan yang dapat menerima Kad untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan yang disediakan.	1.1.5. "Peniaga Sah" membawa maksud mana-mana peruncit atau penyedia perkhidmatan yang dapat menerima Kad untuk pembayaran barangan dan perkhidmatan yang disediakan.
1.1.6. "Pembayaran Bil Automatik" bererti bayaran berulang yang dibuat oleh Pemegang Kad menggunakan Kad.	1.1.6. "Pembayaran Bil Automatik" bererti bayaran berulang yang dibuat oleh Pemegang Kad menggunakan Kad <u>di mana bayaran dicaj ke Akaun Yang Ditetapkan oleh Pemegang Kad.</u>
1.1.7. "Pembayaran Auto" ertinya bayaran automatik Bank bagi Caj Peniaga yang dibilkan oleh Peniaga (dilakukan mengikut arahan Pemegang Kad), yang bayaran kemudiannya dikenakan ke Akaun Ditetapkan Pemegang Kad.	1.1.7. "Pembayaran Auto" ertinya <u>pembayaran</u> automatik <u>oleh</u> Bank <u>terhadap</u> Caj Peniaga yang diagihkan oleh Peniaga (dilakukan mengikut arahan Pemegang Kad), yang <u>pembayaran tersebut</u> kemudiannya <u>dicaj</u> ke Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan Pemegang Kad.
1.1.8. "Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad 197201001799 atau CIMB Islamic Bank Berhad 2000401032872, bank di mana Akaun Ditetapkan dikekalkan.	1.1.8. "Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad (197201001799) atau CIMB Islamic Bank Berhad (200401032872), bank di mana Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan dikekalkan.
1.1.9. "Kad Debit CIMB" bermaksud Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank (dan termasuk sebarang kad gantian atau diperbaharui) yang termasuk CIMB Debit Mastercard, CIMB Octo Debit Mastercard, CIMB Preferred Debit Mastercard, CIMB Petronas Debit Mastercard dan CIMB Visa Kad Debit.	1.1.9 "Kad Debit CIMB" atau "Kad" bermaksud Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank (dan termasuk sebarang kad gantian atau <u>kad yang</u> diperbaharui) yang termasuk CIMB Debit Mastercard, CIMB Octo Debit Mastercard, CIMB Preferred Debit Mastercard, CIMB Petronas Debit Mastercard dan CIMB <u>Kad Debit</u> Visa.

Definisi baharu bagi Skim Kad.	<u>1.1.11. "Skim Kad" bermaksud rangkaian pembayaran pusat yang dinamakan di bawah yang memproses pembayaran. Peranan yang utama adalah untuk memproses transaksi pembayaran, termasuk operasi dan penyelesaian.</u> <u>1.1.11.1 "Mastercard" ertinya Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang diperbadankan di State of Delaware, Amerika Syarikat di mana pihak bank ialah anggota institusi.</u> <u>1.1.11.2 "PayNet" bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd, iaitu rangkaian pembayaran negara Malaysia dan infrastruktur pusat bersama untuk pasaran kewangan, yang ditubuhkan pada tahun 2017 hasil penggabungan MyClear dan MEPS.</u> <u>1.1.11.3 "VISA" ertinya VISA Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura di mana pihak bank adalah anggota institusi;</u>
1.1.11 "CIMB Clicks" bermaksud perkhidmatan perbankan, perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pemegang Kad melalui Internet atau mana-mana medium elektronik lain seperti yang boleh diluluskan oleh Bank mengikut terma-terma dan syarat-syarat ini. Untuk tujuan terma-terma dan syarat-syarat ini, sebarang rujukan kepada CIMB Clicks hendaklah bermaksud dan termasuk rujukan kepada perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pemegang Kad menerusi CIMB Clicks App dan/atau CIMB Octo App, mengikut mana-mana yang berkenaan.	<u>1.1.12 "CIMB Clicks" bermaksud perkhidmatan perbankan yang boleh diakses oleh Pemegang Kad melalui Internet atau mana-mana perantara elektronik lain yang diluluskan oleh pihak bank.</u>
Definisi baharu bagi Aplikasi OCTO CIMB.	<u>1.1.13 "Aplikasi OCTO CIMB" bermaksud aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun dan diakses oleh Pemegang Kad melalui peranti mudah alih iOS atau Android dengan versi yang diperlukan oleh peranti mudah alih pihak bank untuk menerima notifikasi dan/atau untuk melaksanakan perkhidmatan perbankan terpilih sebagaimana yang ditentukan oleh pihak bank dari semasa ke semasa.</u>

1.1.13 “Transaksi Tanpa Sentuhan” ertinya transaksi di mana kad tertentu digunakan untuk membayar barangan dan perkhidmatan dengan menyentuh atau melayangkan Kad di pembaca / terminal tanpa sentuhan.	1.1.15 “Transaksi Tanpa Sentuhan” ertinya transaksi di mana kad digunakan untuk membayar barangan dan / atau perkhidmatan dengan <u>mengetuk atau melambai Kad pada pembaca / terminal tanpa sentuhan tanpa memerlukan tandatangan atau PIN Pemegang Kad untuk mengesahkan transaksi tersebut.</u>
1.1.16. “Akaun Ditetapkan” ertinya Akaun yang dipilih oleh anda untuk menjalankan Transaksi Debit.	1.1.18. “Akaun Yang Ditetapkan” ertinya Akaun yang dipilih oleh <u>Pemegang Kad</u> untuk <u>melaksanakan</u> Transaksi Debit.
1.1.20. “Caj Peniaga” ertinya caj yang harus dibayar oleh Pemegang Kad kepada Peniaga dan dikenakan ke atas Kad.	1.1.22. “Caj Peniaga” ertinya caj yang harus dibayar oleh Pemegang Kad kepada Peniaga dan <u>dicaj</u> ke atas Kad.
Definisi baharu bagi Peranti Mudah Alih.	1.1.23 “Peranti Mudah Alih” ertinya peranti mudah alih Pemegang Kad, yang mengandungi SIM (modul pengenalanpastian pelanggan) untuk nombor yang didaftarkan dengan Bank.
Definisi baharu bagi OTP / TAC / SecureTAC Approval.	1.1.24. “Kata Laluan Sekali Guna” (“One-Time Password - OTP”) atau “Transaction Authorisation Code” (“TAC”) atau “SecureTAC Approval” ertinya kod atau notifikasi kelulusan <u>yang dihantar kepada Peranti Mudah Alih atau Aplikasi CIMB OCTO Pemegang Kad, yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad dan / atau membenarkan Transaksi tertentu oleh Pemegang Kad.</u>
1.2 Perkataan yang tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.	1.2 Perkataan <u>dalam bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya, dan perkataan yang merujuk kepada gender lelaki juga merangkumi gender perempuan dan neutral, dan sebaliknya.</u>
2.1 Mana-mana pelanggan Bank yang mempunyai Akaun Ditetapkan boleh memohon di mana-mana cawangan Bank di Malaysia untuk Kad dengan PIN sementara untuk mendapatkan akses kepada perkhidmatan yang disediakan melalui Kad. Pemegang Kad mengakui bahawa penerimaan dan/atau penggunaan Kad membentuk perjanjian Pemegang Kad supaya terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat ini.	2.1 Mana-mana pelanggan Bank yang mempunyai Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan boleh memohon Kad di mana-mana cawangan Bank di Malaysia. <u>Pengaktifan Kad dan/atau penggunaan Kad merupakan persetujuan Pemegang Kad untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.</u>

2.2 PIN sementara boleh dihantar oleh Bank melalui: a) Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke nombor mudah alih sah Pemegang Kad yang berdaftar dengan Bank; atau b) Kiriman PIN ke alamat surat-menyurat Pemegang Kad dalam rekod Bank (jika Pemegang Kad tidak mempunyai nombor mudah alih sah yang berdaftar dengan Bank).	Klausa ini telah dipadamkan dan nombor Klausa yang berikut telah dipinda sewajarnya.
2.3 Pemegang Kad mesti menandatangani pada panel tandatangan di belakang Kad dan menukar PIN sementara Kad di ATM Bank sendiri, cawangan Bank atau saluran terjamin lain yang dibenarkan oleh Bank dalam dua puluh empat (24) jam atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank. Semasa memilih PIN, Pemegang Kad MESTI TIDAK memilih PIN yang jelas atau boleh diramal, sebagai contoh PIN yang:- a) mewakili tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor perhubungannya; b) adalah sebahagian nama beliau yang dapat dikenali; c) adalah nombor urutan (contohnya 12345); atau d) semua adalah nombor yang sama (contohnya 111111)	<u>2.2 Setelah menerima Kad dan PIN sementara daripada Bank, Pemegang Kad mesti menandatangani panel tandatangan di belakang Kad dan menukar PIN sementara Kad tersebut di ATM milik Bank, cawangan Bank atau saluran selamat lain yang dibenarkan oleh Bank dalam tempoh dua puluh empat (24) jam atau dalam tempoh lain yang ditetapkan oleh Bank. Semasa memilih PIN, Pemegang Kad TIDAK BOLEH memilih PIN yang jelas atau mudah dijangka, contohnya PIN yang:-</u> a) mewakili tarikh lahir, <u>nombor</u> kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor <u>Pemegang Kad</u>; b) <u>merupakan</u> sebahagian <u>daripada</u> nama <u>Pemegang Kad</u> yang <u>mudah</u> dikenali; c) <u>terdiri daripada nombor berturutan</u> (contohnya 12345); atau d) <u>terdiri daripada</u> nombor yang sama (contohnya 111111).
2.4 Jika Pemegang Kad lupa PIN-nya, Bank akan atas permintaan Pemegang Kad mengeluarkan PIN sementara baru kepada Pemegang Kad.	2.3 Jika Pemegang Kad <u>terlupa</u> PIN-nya, <u>Pemegang Kad boleh mengunjungi mana-mana cawangan Bank atau memohon bantuan melalui saluran lain yang disediakan oleh Bank.</u>
2.7 Pemegang Kad mesti memastikan bahawa jumlah yang dikenakan adalah betul sebelum menandatangani sebarang slip transaksi dan sebelum memasuki PIN Pemegang Kad ke mana-mana terminal. Dengan menandatangani slip atau memasukkan PIN atau menggunakan Kad Pemegang Kad di mana-mana terminal, Pemegang Kad dianggap telah bersetuju dengan transaksi bahawa jumlah yang dikenakan adalah betul dan	2.6 Pemegang Kad mesti memastikan bahawa jumlah yang <u>dicai</u> adalah betul sebelum menandatangani sebarang slip transaksi dan sebelum memasuki PIN Pemegang Kad ke mana-mana terminal. Dengan menandatangani slip atau memasukkan PIN atau menggunakan Kad Pemegang Kad di mana-mana terminal, Pemegang Kad dianggap telah bersetuju dengan transaksi bahawa jumlah yang <u>dicai</u> adalah betul

memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pembayaran.	dan memberi kuasa kepada Bank untuk membuat pembayaran.
2.8 Pemegang Kad bersetuju bahawa PIN adalah cara selamat untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank untuk:- a) transaksi yang akan dijalankan oleh Bank untuk Pemegang Kad; dan b) Pemegang Kad untuk melanggan dan berdaftar untuk perkhidmatan perbankan internet Bank yang boleh seterusnya membenarkan Pemegang Kad mengakses secara elektronik ke akaun bank lain Pemegang Kad, kemudahan perbankan dan perkhidmatan lain.	<u>2.7 Pemegang Kad bersetuju bahawa PIN adalah cara selamat untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank.</u>
2.9 Selaras dengan Klausula 2.8, Pemegang Kad selanjutnya bersetuju seperti yang berikut: a) Bank dibenarkan oleh Pemegang Kad untuk bertindak atas semua arahan Pemegang Kad apabila dikenal pasti oleh PIN Pemegang Kad; b) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan tersebut dengan niat baik; c) Pemegang Kad akan terikat dengan arahan tersebut dan tidak akan dibenarkan membatalkannya walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut; dan d) Bank masih boleh meminta bentuk pengenalan lain jika ia mempunyai keraguan terhadap identiti Pemegang Kad walaupun Bank berhak untuk bergantung kepada PIN sebagai bukti konklusif tentang identiti Pemegang Kad.	<u>2.8 Selaras dengan Klausula 2.7, Pemegang Kad selanjutnya bersetuju seperti yang berikut:</u> a) Bank dibenarkan oleh Pemegang Kad untuk bertindak atas semua arahan Pemegang Kad apabila dikenal pasti oleh PIN Pemegang Kad; b) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan tersebut dengan niat baik; c) Pemegang Kad akan terikat dengan arahan tersebut dan tidak akan dibenarkan membatalkannya walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekurangan kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut; dan d) Bank masih boleh meminta bentuk pengenalan lain jika ia mempunyai keraguan terhadap identiti Pemegang Kad walaupun Bank berhak untuk bergantung kepada PIN sebagai bukti konklusif tentang identiti Pemegang Kad.
2.11 Kad hanya sah sehingga Tarikh Tamat Tempoh. Pemegang Kad hendaklah memastikan bahawa sebaik sahaja Kad tamat tempoh, ia dikembalikan kepada Bank agar kad gantian dapat dikeluarkan.	<u>2.10 Kad ini hanya sah sehingga Tarikh Tamat Tempoh yang tertera pada Kad. Pemegang Kad boleh memohon Kad pembaharuan melalui saluran yang disediakan oleh Bank.</u>
2.18 Bank boleh (tetapi tidak dikehendaki) menghantar pemberitahuan atau komunikasi lain kepada Pemegang Kad melalui pos biasa, tangan, perkhidmatan kurier, faksimili, mel elektronik ("e-mel"), telefon, perkhidmatan sistem pesanan ringkas ("SMS") atau dengan sebarang cara lain yang difikirkan sesuai. Pemberitahuan boleh melalui rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain dan boleh dihantar ke alamat surat mel, alamat	<u>2.17 Bank boleh (tetapi tidak dikehendaki) menghantar pemberitahuan atau komunikasi lain kepada Pemegang Kad melalui pos biasa, tangan, perkhidmatan kurier, faksimili, mel elektronik ("e-mel"), telefon, perkhidmatan sistem pesanan ringkas ("SMS") atau dengan sebarang cara lain yang difikirkan sesuai. Pemberitahuan boleh melalui rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain dan boleh dihantar ke alamat surat</u>

e-mel, nombor telefon bimbit atau butiran hubungan lain Pemegang Kad dalam rekod Bank. Pemberitahuan oleh Bank kepada Pemegang Kad mungkin termasuk notis berhubung dengan (i) maklumat pasca transaksi Kad, (ii) pembatalan atau penggantungan Kad dan/atau sebarang perkhidmatan di bawah Kad, (iii) sebarang bentuk peringatan, pengumuman, promosi dan maklumat lain dan (iv) peringatan tentang kekurangan dana Akaun Semasa/Simpanan CIMB Pemegang Kad/-i. Pemberitahuan itu berkesan dan dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dengan cara yang sama yang diperuntukkan dalam Klausula 2.19.	mel, alamat e-mel, nombor telefon bimbit atau butiran hubungan lain Pemegang Kad dalam rekod Bank. Pemberitahuan oleh Bank kepada Pemegang Kad mungkin termasuk notis berhubung dengan (i) maklumat pasca transaksi Kad, (ii) pembatalan atau penggantungan Kad dan/atau sebarang perkhidmatan di bawah Kad, (iii) sebarang bentuk peringatan, pengumuman, promosi dan maklumat lain dan (iv) peringatan tentang kekurangan dana <u>Akaun Yang Ditetapkan untuk Pembayaran Auto (jika ada)</u>. Pemberitahuan itu berkesan dan dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dengan cara yang sama yang diperuntukkan dalam <u>Klausula 2.18</u>.
2.19 Notis yang diberikan oleh Bank dianggap diterima oleh Pemegang Kad pada lebih awal daripada perkara berikut: - (i) tarikh notis disiarkan di dewan perbankan Bank atau di laman web Bank; atau (ii) tarikh penerbitan pertama dalam akhbar pilihan Bank; atau (iii) pada masa penghantaran, jika dihantar dengan tangan atau kurier; atau (iv) tujuh (7) hari kalendar selepas: (a) tarikh pengeposan penyata (yang mengandungi notis perubahan); atau (b) tarikh pengeposan notis kepada Pemegang Kad; atau (v) serta-merta, pada masa notis dihantar kepada Pemegang Kad, jika dihantar melalui faksimili, e-mel atau bentuk komunikasi segera lain (termasuk SMS dan rakaman suara).	2.18 Notis yang diberikan oleh Bank dianggap diterima oleh Pemegang Kad pada lebih awal daripada perkara berikut: - (i) tarikh notis disiarkan di dewan perbankan Bank atau di laman <u>sesawang</u> Bank; atau (ii) tarikh penerbitan pertama dalam akhbar pilihan Bank; atau (iii) pada masa penghantaran, jika dihantar dengan tangan atau kurier; atau (iv) tujuh (7) hari kalendar selepas: (a) tarikh pengeposan penyata (yang mengandungi notis perubahan); atau (b) tarikh pengeposan notis kepada Pemegang Kad; atau (v) serta-merta, pada masa notis dihantar kepada Pemegang Kad, jika dihantar melalui faksimili, e-mel atau bentuk komunikasi segera lain (termasuk SMS dan rakaman suara). <i>*Nota: "laman web" akan digantikan dengan "laman sesawang" dalam Terma dan Syarat Kad Debit CIMB ini.</i>
4. PEMILIKAN KAD 4.1 Kad kekal sebagai harta Bank dan mesti diserahkan balik kepada Bank sebaik sahaja diminta. Pemegang Kad mesti tidak melepaskan pemilikan atau membiarkan orang lain mengawal Kad. 4.2 Pemegang Kad hanya akan dikeluarkan dengan satu Kad pada setiap masa, tertakluk kepada budi bicara mutlak Bank untuk mengeluarkan lebih	4. PEMILIKAN <u>DAN KESELAMATAN KAD, OTP, TAC DAN APLIKASI CIMB OCTO</u> 4.1Kad kekal sebagai harta Bank dan mesti diserahkan balik kepada Bank sebaik sahaja diminta. Pemegang Kad mesti tidak melepaskan pemilikan atau membiarkan orang lain mengawal Kad. 4.2Pemegang Kad hanya akan dikeluarkan dengan satu Kad pada setiap masa, tertakluk

daripada satu Kad kepada Pemegang Kad yang ia anggap sesuai.	kepada budi bicara mutlak Bank untuk mengeluarkan lebih daripada satu Kad kepada Pemegang Kad yang ia anggap sesuai. <u>4.3 Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua Transaksi termasuk sebarang kesilapan entri di terminal tempat jualan (POS) atau Transaksi dalam talian, sama ada dilakukan dengan pengetahuan, keizinan atau kebenaran Pemegang Kad ataupun tidak.</u> <u>4.4 Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Yang Ditetapkan dengan jumlah sebarang pembayaran, pembelian, pengeluaran tunai atau pemindahan dana yang dilakukan menggunakan Kad mengikut rekod transaksi Bank.</u> <u>4.5 Bank boleh menghantar OTP / TAC / Kelulusan SecureTAC ke Peranti Mudah Alih Pemegang Kad atau Aplikasi CIMB OCTO, yang berfungsi untuk mengesahkan dan mengesah identiti Pemegang Kad kepada Bank atau untuk membenarkan sebarang Transaksi tertentu.</u> <u>4.6 Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak berdasarkan arahan Pemegang Kad apabila identiti Pemegang Kad disahkan dengan penggunaan OTP / TAC / Kelulusan SecureTAC dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas tindakan tersebut yang dibuat dengan itikad baik. Pemegang Kad akan terikat dengan arahan tersebut dan tidak dibenarkan untuk membatalkannya walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kekeliruan atau salah faham berkaitan dengan arahan tersebut kecuali disebabkan oleh kelalaian atau kesalahan sengaja Bank.</u>
5. KECURIAN ATAU KEHILANGAN KAD 5.1 (a) Pemegang Kad bertanggungjawab sepenuhnya kepada semua transaksi termasuk sebarang kesilapan catatan pada terminal jualan dan sama ada diproses dengan pengetahuan, persetujuan atau pemberikuasaan Pemegang Kad.	5. KECURIAN ATAU KEHILANGAN ATAU PENGGUNAAN PALSU KAD DAN / ATAU PERANTI MUDAH ALIH ATAU PENDEDAHAN ATAU PENGGUNAAN TANPA KEBENARAN KAD / PIN / OTP / TAC ATAU APLIKASI CIMB OCTO <u>5.1 (a) Pemegang Kad mesti mengambil penjagaan yang terbaik, ketekunan dan</u>

(b) Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit Akaun Ditetapkan Pemegang Kad dengan jumlah bagi sebarang pembayaran, pembelian, pengeluaran tunai atau pemindahan dana yang dilakukan dengan menggunakan Kad seperti dalam transaksi rekod Bank. 5.2(a) Pemegang Kad mesti mengambil penjagaan yang terbaik, ketekunan dan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad dengan penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan butir-butir Kad atau PIN kepada mana-mana orang lain. (b) Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap sebarang liabiliti bagi kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) yang timbul daripada kemungkiran kewajipan Pemegang Kad. (c) Kewajipan untuk mengambil penjagaan yang terbaik, ketekunan dan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad dengan penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan PIN Pemegang Kad kepada mana-mana orang lain termasuk:- (i) tidak pernah menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh kelahiran, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor perhubungan Pemegang Kad. (ii) tidak membenarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN. (iii) tidak pernah menulis PIN pada Kad atau sebarang barang yang biasanya disimpan dengan atau berdekatan dengan Kad. (iv) tidak pernah menulis PIN dengan cara yang boleh difahami oleh orang lain. (v) tidak pernah mendedahkan butir-butir Kad atau PIN kepada orang lain. (vi) tidak membenarkan Kad keluar dari pandangan dan pemilikan Pemegang Kad. 5.3 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta dengan menghubungi	langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad <u>dan Peranti Mudah Alih</u> dengan penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan butir-butir Kad atau PIN <u>atau akses kepada OTP / TAC atau Aplikasi CIMB OCTO</u> kepada mana-mana orang lain. (b) Pemegang Kad hendaklah menanggung rugi dan tidak mempertanggungjawabkan Bank terhadap sebarang liabiliti bagi kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (undang-undang atau sebaliknya) yang timbul daripada kemungkiran kewajipan Pemegang Kad. (c) Kewajipan untuk mengambil penjagaan yang terbaik, ketekunan dan langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan kehilangan, kecurian atau penggunaan Kad dengan penipuan dan untuk mengelakkan pendedahan <u>atau akses PIN Pemegang Kad atau OTP / TAC atau Aplikasi CIMB OCTO</u> kepada mana-mana orang lain termasuk:- (i) tidak pernah menggunakan PIN yang dipilih dari tarikh kelahiran, kad pengenalan, passport, lesen memandu atau nombor perhubungan Pemegang Kad. (ii) tidak membenarkan orang lain menggunakan Kad dan PIN. (iii) tidak pernah menulis PIN pada Kad atau sebarang barang yang biasanya disimpan dengan atau berdekatan dengan Kad. (iv) tidak pernah menulis PIN dengan cara yang boleh difahami oleh orang lain <u>atau menyimpan rekod PIN, walaupun disamarkan, berasingan dan jauh dari Kad.</u> (v) tidak pernah mendedahkan <u>kepada orang lain kepada sesiapa atau membenarkan mana-mana pihak ketiga untuk mengakses butiran Kad atau PIN atau OTP atau TAC atau Aplikasi CIMB OCTO.</u> (vi) tidak membenarkan Kad keluar dari pandangan dan pemilikan Pemegang Kad. 5.2 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada Bank dengan serta-merta dengan
---	--

Pusat Panggilan Bank atau mengunjungi cawangan Bank:- (a) selepas mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri atau jika PIN mungkin telah dikompromi atau jika terdapat sebarang transaksi yang tidak diberi kuasa telah berlaku; (b) apabila Pemegang Kad menerima amaran transaksi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) untuk transaksi yang tidak diberi kuasa oleh Pemegang Kad; dan (c) apabila Pemegang Kad telah menukar nombor perhubungannya. 5.4 Bank boleh meminta Pemegang Kad memberikan kepada Bank laporan polis dalam tujuh (7) hari kalendar dari tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Bank boleh mengeluarkan permintaan mereka secara bertulis atau secara lisan dan merekodkan permintaan lisan sedemikian. Pemegang Kad bersetuju supaya arahan atau permintaan telefon direkodkan dan dikekalkan oleh Bank dan dengan ini bersetuju bahawa rekod tersebut hendaklah menjadi konklusif dan mengikat untuk semua tujuan. 5.5 Bank boleh bertindak ke atas arahan telefon Pemegang Kad dan tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami akibat tindakan tersebut. 5.6 Pemegang Kad bersetuju dengan rakaman dan pengekalan panggilan telefon Pemegang Kad dengan Bank dan bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap semua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh Bank walau bagaimana pun timbul atau berkaitan dengan semua arahan tersebut. 5.7 Jika Kad hilang atau dicuri dan/atau PIN didedahkan Pemegang Kad tetap bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan ke atas Kad sebelum Bank menerima pemberitahuan bertulis atau lisan daripada	menghubungi Pusat Panggilan <u>Pengguna</u> atau mengunjungi cawangan Bank:- (a) selepas mendapati bahawa Kad telah hilang atau dicuri atau jika PIN <u>atau OTP atau TAC atau Peranti Mudah Alih atau Aplikasi CIMB OCTO</u> mungkin telah dikompromi atau jika terdapat sebarang transaksi yang tidak diberi kuasa telah berlaku; (b) apabila Pemegang Kad menerima <u>pemberitahuan</u> transaksi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) <u>atau pemberitahuan push dalam Aplikasi CIMB OCTO atau kaedah komunikasi lain</u> untuk transaksi yang tidak <u>diluluskan</u> oleh Pemegang Kad; dan (c) apabila Pemegang Kad telah menukar nombor perhubungannya. <u>5.3</u> Bank boleh meminta Pemegang Kad memberikan kepada Bank laporan polis dalam tujuh (7) hari kalendar dari tarikh kehilangan dan/atau kecurian dan/atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga. Bank boleh mengeluarkan permintaan mereka secara bertulis atau secara lisan dan merekodkan permintaan lisan sedemikian. Pemegang Kad bersetuju supaya arahan atau permintaan telefon direkodkan dan dikekalkan oleh Bank dan dengan ini bersetuju bahawa rekod tersebut hendaklah menjadi konklusif dan mengikat untuk semua tujuan. <u>5.4</u> Bank boleh bertindak ke atas arahan telefon Pemegang Kad dan tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung atau dialami akibat tindakan tersebut. <u>5.5</u> Pemegang Kad bersetuju dengan rakaman dan pengekalan panggilan telefon Pemegang Kad dengan Bank dan bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan Bank ditanggung rugi terhadap semua kerugian, tuntutan, prosiding, permintaan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang ditanggung atau dialami oleh Bank walau bagaimana pun
--	---

Pemegang Kad untuk kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN. Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk:- a) Transaksi tidak diberi kuasa berdasarkan PIN, jika Pemegang Kad:- (i) bertindak secara fraud; (ii) tidak maklumkan kepada Bank dengan seberapa segera yang munasabahnyanya dapat dilaksanakan selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad; (iii) secara sukarela dedahkan PIN kepada orang lain; atau (iv) rekodkan PIN pada Kad, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan atau dengan Kad. b) transaksi tidak diberi kuasa yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad bagi Transaksi Tanpa Sentuhan, jika Pemegang Kad:- (i) bertindak secara penipuan; (ii) tidak maklumkan kepada Bank dengan seberapa segera yang munasabahnyanya dapat dilaksanakan selepas menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad; (iii) meninggalkan Kad tanpa pengawasan atau gagal memastikan Kad selamat; atau (iv) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad. 5.8 Jika Pemegang Kad tidak puas hati dengan keputusan Bank berkenaan dengan transaksi yang tidak diberi kuasa dan/atau sebarang perkara lain, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian. 5.9 Apabila Kad Pemegang Kad yang dilaporkan hilang atau dicuri dijumpai, Kad tidak lagi boleh digunakan. 5.10 Bank tidak dikehendaki untuk mengeluarkan Kad gantian kepada Pemegang Kad selepas ia hilang atau dicuri. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad gantian, Bank boleh mengenakan fi dan menegaskan Pemegang Kad memberikan tanggung rugi yang Bank perlukan daripada Pemegang Kad. Kad	timbul atau berkaitan dengan semua arahan tersebut. 5.6 Jika Kad hilang atau dicuri dan/atau PIN / <u>OTP</u> / <u>TAC</u> didedahkan Pemegang Kad tetap bertanggungjawab untuk semua caj yang dikenakan ke atas Kad sebelum Bank menerima pemberitahuan bertulis atau lisan daripada Pemegang Kad untuk kehilangan dan/atau kecurian Kad dan/atau pendedahan PIN. Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk: a) Transaksi tidak diberi kuasa berdasarkan PIN, jika Pemegang Kad:- (i) bertindak secara fraud; (ii) tidak <u>memaklumkan</u> kepada Bank dengan secepat yang munasabah setelah menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad; (iii) secara sukarela dedahkan PIN kepada orang lain; atau (iv) rekodkan PIN pada Kad, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan atau dengan Kad. b) transaksi tidak diberi kuasa yang memerlukan pengesahan tandatangan atau penggunaan Kad bagi Transaksi Tanpa Sentuhan, jika Pemegang Kad:- (i) bertindak secara penipuan; (ii) tidak <u>memaklumkan</u> kepada Bank dengan <u>secepat yang munasabah setelah</u> menyedari kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad; (iii) meninggalkan Kad tanpa pengawasan atau gagal memastikan Kad selamat; atau (iv) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad. 5.7 Jika Pemegang Kad tidak puas hati dengan keputusan Bank berkenaan dengan transaksi yang tidak diberi kuasa dan/atau sebarang perkara lain, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian kepada <u>Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)</u> untuk menyelesaikan pertikaian.
--	--

gantian juga akan tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.	<u>5.8</u> Apabila Kad Pemegang Kad yang dilaporkan hilang atau dicuri dijumpai, Kad tidak lagi boleh digunakan. <u>5.9</u> Bank tidak dikehendaki untuk mengeluarkan Kad gantian kepada Pemegang Kad selepas ia hilang atau dicuri. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad gantian, Bank boleh mengenakan fi dan menegaskan Pemegang Kad memberikan tanggung rugi yang Bank perlukan daripada Pemegang Kad. Kad gantian juga akan tertakluk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.
6. AKAUN DITETAPKAN 6.1 Semua pembayaran untuk pembelian barang dan/atau perkhidmatan yang dikenakan ke atas Kad, Fi Tahunan dan semua caj tambahan akan didebitkan ke Akaun Ditetapkan dalam mata wang pengebilan, tempatan dan luar negeri, dan hendaklah dicerminkan dalam sejarah transaksi Akan Ditetapkan dan/atau penyata. 6.2 Pemegang Kad menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk semua Transaksi yang dilakukan ke atas Kad, termasuk di mana Pemegang Kad telah membuat kesilapan kemasukan data di Terminal Jualan dan Bank diberi kuasa untuk mendebitkan Akaun Ditetapkan Akaun Pemegang Kad untuk semua Transaksi yang dijalankan menggunakan Kad seperti dalam transaksi rekod Bank.	6. AKAUN <u>YANG</u> DITETAPKAN 6.1 Semua pembayaran untuk pembelian barang dan/atau perkhidmatan yang dikenakan ke atas Kad, Fi Tahunan dan semua caj tambahan akan didebitkan ke Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan dalam mata wang pengebilan, tempatan dan luar negeri, dan hendaklah dicerminkan dalam sejarah transaksi Akan <u>Yang</u> Ditetapkan dan/atau penyata. 6.2 Pemegang Kad menerima tanggungjawab sepenuhnya untuk semua Transaksi yang dilakukan ke atas Kad, termasuk di mana Pemegang Kad telah membuat kesilapan kemasukan data di Terminal Jualan dan Bank diberi kuasa untuk mendebitkan Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan Akaun Pemegang Kad untuk semua Transaksi yang dijalankan menggunakan Kad seperti dalam transaksi rekod Bank. <i>*Nota: "Akaun Ditetapkan" akan digantikan dengan "Akaun <u>Yang</u> Ditetapkan" dalam Terma dan Syarat Kad Debit CIMB ini.</i>
8.3 Jika Pemegang Kad telah memberi kuasa kepada transaksi CNP atau luar negara supaya dijalankan ke atas Kad beliau, Pemegang Kad boleh kemudiannya meminta Bank untuk melumpuhkan transaksi dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank atau saluran lain yang disediakan oleh Bank.	8.3 Jika Pemegang Kad telah memberi kuasa kepada transaksi CNP atau luar negara supaya dijalankan ke atas Kad beliau, Pemegang Kad boleh kemudiannya meminta Bank untuk melumpuhkan transaksi dengan menghubungi Pusat Panggilan <u>Pengguna</u> atau saluran lain yang disediakan oleh Bank.

9. PERTIKAIAN / CAJ BALIK 9.1. Bergantung pada skim kad, Pemegang Kad boleh mengecaj kembali Transaksi Kad atau sebahagian daripadanya (“Amaun yang Dipertikaikan”) kepada peniaga dengan membuat pertikaian kepada Bank dalam tempoh masa yang dibenarkan dan menyediakan semua dokumentasi sokongan yang berkaitan seperti yang diminta oleh Bank. 9.2. Setelah dokumentasi untuk pengembalian caj balik teratur, Bank akan membuat caj balik tersebut kepada peniaga untuk peniaga menjalankan siasatannya sendiri. Bank akan mengkreditkan Amaun Yang Dipertikaikan ke Akaun Ditetapkan dalam tempoh 14 hari bekerja jika Jumlah Transaksi telah didebitkan lebih awal daripada Akaun Ditetapkan. 9.3. Jika peniaga tidak bersetuju dengan caj balik tersebut, Bank akan meneruskan untuk mendebit Amaun Yang Dipertikaikan daripada Akaun Ditetapkan dan mengembalikannya kepada peniaga dengan sewajarnya.	9. PERTIKAIAN / CAJ BALIK <u>9.1 Bank tidak bertanggungjawab untuk melayan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang Transaksi. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk berbuat demikian, Bank boleh memilih untuk menjalankan siasatan atau, bergantung kepada Skim Kad, suatu Transaksi Kad atau sebahagiannya (“Amaun yang Dipertikaikan”) boleh dikenakan caj balik kepada peniaga dengan syarat semua dokumen sokongan yang berkaitan seperti yang diminta oleh Bank telah diserahkan oleh Pemegang Kad kepada Bank dalam tempoh masa yang dibenarkan.</u> <u>9.2 Sebaik sahaja dokumentasi untuk caj balik adalah teratur, Bank akan mengemukakan caj balik kepada peniaga untuk membolehkan peniaga menjalankan siasatan mereka sendiri.</u> <u>9.3 Jika peniaga tidak bersetuju dengan caj balik tersebut, Bank akan mendebitkan Amaun yang Dipertikaikan daripada Akaun Yang Ditetapkan dan memulangkannya kepada peniaga. Jika Pemegang Kad tidak berpuas hati dengan keputusan peniaga, Pemegang Kad hendaklah menyelesaikan pertikaian tersebut secara langsung dengan peniaga berkenaan dan Pemegang Kad tidak boleh melibatkan Bank dalam pertikaian tersebut.</u> <u>9.4 Jika Bank menjalankan siasatan terhadap pertikaian tersebut, keputusan Bank sama ada untuk membatalkan sesuatu Transaksi atau tidak hanya akan dibuat selepas siasatan terhadap pertikaian itu selesai.</u>
13.1. Pemegang Kad boleh membatalkan Kad melalui notis bertulis kepada Bank atau menghubungi Pusat Panggilan Bank atau salauran lain yang disediakan oleh Bank.	13.1. Pemegang Kad boleh membatalkan Kad melalui notis bertulis kepada Bank atau menghubungi Pusat Panggilan <u>Pengguna</u> atau salauran lain yang disediakan oleh Bank.
14.4 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk melayan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan mana-mana Transaksi. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk berbuat demikian,	Klausa ini telah dipadamkan dan nombor Klausa yang berikut telah dipinda sewajarnya.

keputusan Bank mengenai sama ada membalikkan Transaksi hanya akan dibuat selepas penyelesaian siasatan terhadap pertikaian.	
14.6 (a) Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab secara tunggal untuk keselamatan Kad apabila digunakan untuk membeli barangan dan/atau perkhidmatan melalui transaksi internet/dalam talian. (b) Pemegang Kad bersetuju bahawa catatan maklumat Kad di laman web untuk pembelian yang dikatakan hendaklah menjadi bukti yang mencukupi tentang kesahihan Transaksi. Bank tidak diwajibkan untuk mengesahkan identiti atau kuasa orang yang memasuki maklumat Kad dan Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab secara tunggal untuk maklumat Kad yang dimasukkan tanpa mengira sama ada orang itu diberi kuasa atau tidak diberi kuasa.	Klausa ini telah dipadamkan dan nombor Klausa yang berikut telah dipinda sewajarnya.
15.2 Notis Pindaan kepada Pemegang Kad boleh dilakukan dengan dalam mana-mana satu cara yang berikut: (a) ia dipaparkan di premis dan laman web Bank berkenaan dengan Pindaan di mana peruntukan terperinci mengenai Pindaan boleh diberikan dalam notis sendiri atau boleh diberikan kepada Pemegang Kad atas permintaan; atau (b) melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat Pemegang Kad terakhir diketahui; atau (c) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (d) melalui mel elektronik; atau (e) melalui Terminal Layan Diri; atau oleh mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuatkuasa dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan.	15.2 Notis Pindaan kepada Pemegang Kad boleh dilakukan dengan dalam mana-mana satu cara yang berikut: (a) <u>melalui paparan</u> di premis Bank dan/atau laman <u>sesawang</u> mengenai <u>Pindaan di mana Pindaan tersebut boleh disediakan</u> dalam notis <u>itu</u> sendiri atau boleh <u>disediakan</u> kepada Pemegang Kad atas permintaan; atau (b) melalui notis yang dihantar oleh Bank ke alamat Pemegang Kad terakhir diketahui; atau (c) diiklankan dalam satu akhbar pilihan Bank; atau (d) melalui mel elektronik; atau (e) melalui Terminal Layan Diri; atau oleh mana-mana cara pemberitahuan lain yang boleh dipilih oleh Bank dan Pindaan akan berkuatkuasa dari tarikh pemberitahuan Pindaan atau dari tarikh lain yang ditentukan oleh Bank dalam pemberitahuan.

19.2 Walau bagaimanapun, Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan ; Nombor Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com	19.2 Walau bagaimanapun, Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik persetujuan yang disebutkan di atas untuk pendedahan maklumat oleh Bank kepada Syarikat Kumpulan (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang mungkin ditukar oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338 GPO Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan ; Nombor Pusat Panggilan <u>Pengguna</u> +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com
24.2 Bagi sebarang aduan yang berkaitan dengan Kad, Pemegang Kad hendaklah membuat aduan mereka dengan Pusat Panggilan atau mana-mana cawangan CIMB. Jika aduan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan hati Pemegang Kad oleh pusat panggilan atau cawangan CIMB, Pemegang Kad boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di: (a) Unit Resolusi Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan; (b) Tel: +603 6204 7788; atau (c) Emel: contactus@cimb.com.	24.2 Bagi sebarang aduan yang berkaitan dengan Kad, Pemegang Kad hendaklah membuat aduan mereka dengan Pusat Panggilan <u>Pengguna</u> atau mana-mana cawangan CIMB. Jika aduan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan hati Pemegang Kad oleh <u>Pusat Panggilan Pengguna</u> atau cawangan CIMB, Pemegang Kad boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan Bank di: (a) Unit Resolusi Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338, Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan; (b) Tel: +603 6204 7788; atau (c) Emel: contactus@cimb.com

Terima kasih.

Pihak Pengurusan

CIMB Bank Berhad & CIMB Islamic Bank Berhad